

**DASAR DAN PEMBANGUNAN RANCANGAN  
PENGUMPULAN SEMULA  
ORANG ASLI (RPS) : KAJIAN KES  
DI RUNCHANG, PAHANG  
1970-an – 1990-an**

**HANITA HANIM BINTI DATO DARUS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2010**

**DASAR DAN PEMBANGUNAN RANCANGAN PENGUMPULAN  
SEMULA ORANG ASLI (RPS) : KAJIAN KES  
DI RUNCHANG, PAHANG  
1970-an – 1990-an**

**HANITA HANIM BINTI DATO DARUS**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN DENGAN  
SEJARAH MALAYSIA**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

## PENGAKUAN

Saya mengaku tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

16. 9.2010

HANITA HANIM BINTI DATO DARUS  
M20071000239




## DECLARATION

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged

16.9.2010

HANITA HANIM BINTI DATO DARUS  
M20071000239



## PENGHARGAAN

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya yang memberi kekuatan dan peluang kepada penyelidik untuk menyiapkan kajian yang bertajuk “Dasar dan Pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli (RPS) : Kajian Kes di Runchang, Pahang 1970-an sehingga 1990-an”. Penulisan kajian ini merupakan sebuah kajian mengenai rancangan pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli di RPS Runchang yang dilihat dalam konteks sejarah. Semoga penulisan ini dapat menambah lagi sumber sejarah mengenai masyarakat Orang Asli dalam perkembangan pembangunan yang dijalankan untuk mereka.

Kajian ini mungkin tidak dapat disiapkan jika tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak yang terlibat. Terlebih dahulu penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada JHEOA Kuala Lumpur dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang memberi kebenaran kepada penyelidik untuk menjalankan kajian di kawasan RPS Runchang. Selain itu, komitmen yang tinggi dan sokongan moral turut diperolehi daripada beberapa pihak seperti Perpustakaan Orang Asli Gombak, JHEOA Runchang, JHEOA Kuantan, JHEOA Pekan, Arkib Negara Kuala Lumpur, Arkib Negara Pantai Timur iaitu di Terengganu. Oleh itu, penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada orang perseorangan yang terlibat dalam memberi bantuan serta maklumat yang berguna untuk membantu penyelidik mengatasi masalah kekurangan maklumat berkaitan tajuk tersebut. Individu yang terlibat ialah Encik Zahari bin Abdul Razak, Encik Mohammad Jiwa bin Zulkifli, Encik Al Zaphni bin Zainal Abidin, Encik Mat Sah bin Ah Hong, Encik Abdul Rahman bin Mat Sham, Encik Mohammad Dani bin Haji Mohd. Amin, Encik Ali bin Bakar, Encik Azhar bin Che Aun, Encik Kamarul bin Rafein, Encik Roslan bin Taha, Encik Awang Tan bin Hassan dan Encik Rahmat bin Mansor. Mereka semua adalah kakitangan yang berkhidmat dalam JHEOA Runchang, Pekan, Kuantan dan Gombak. Terdapat dalam kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan RPS Runchang daripada peringkat awal lagi. Segala bantuan dan kerjasama kalian begitu berharga buat diri penyelidik dalam usaha untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Pada kesempatan ini juga penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Badriyah binti Haji Salleh selaku penyelia yang dikasihi kerana beliau banyak memberi pengetahuan dan bimbingan semasa penyelidik menyiapkan tesis ini. Segala teguran dan tunjuk ajar beliau diterima oleh penyelidik dengan hati terbuka dan dengan penuh rasa kesyukuran kerana segalanya amat berguna kepada penyelidik sebagai tenaga pengajar yang kini sedang berkhidmat di SMK Mat Kilau Kuantan Pahang. Tidak lupa juga kepada Profesor Dr. Adnan bin Nawang yang telah memberi kepercayaan dan peluang kepada penyelidik untuk mengikuti pengajian di peringkat sarjana serta dorongan semangat supaya penyelidik meneruskan pengajian ini. Jasa dan budi baik Profesor berdua tidak akan dilupakan dan akan diabadikan dalam ingatan sepanjang hayat.

Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan kepada bonda tercinta kerana sentiasa memberi semangat dan sokongan moral serta iringan doa tulus ikhlas agar tesis ini dapat disiapkan sebaik mungkin. Hal ini kerana penyelidik menghadapi terlalu banyak kekangan terutama sebagai tenaga pengajar yang dibebani dengan tugas dan tanggungjawab yang banyak terhadap sekolah dan murid. Seterusnya, kepada anak saudara tercinta, Mohd Noor Anwar bin Mohd Nazam Azhar dan Fatimatun Zulaikha binti Mohd Nazam Azhar yang banyak membantu pergerakan penyelidik untuk mencari bahan terutama di kawasan sekitar Kuala Lumpur. Akhir sekali, kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ucapan ribuan terima kasih penyelidik hurkan buat kalian kerana banyak memberi bantuan serta pandangan yang bernas terhadap penyelidikan ini.

Diharapkan penyelidikan ini dapat memberi pengetahuan khususnya kepada generasi muda mengenai rancangan pembangunan kerajaan terhadap masyarakat minoriti di negara dalam konteks sejarah. Akhir kata penyelidikan ini banyak memberi manfaat yang sangat berguna kepada penyelidik dalam menimba ilmu pengetahuan di Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.



## ABSTRACT

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) is the main focus of this research. The main finding shows that the role played by JHEOA in developing Runchang aboriginies as a government agency was not fully achieved as outlined in the New Economic Policy (NEP). JHEOA planned to develop the three main aspects, which were health, education and economy of the Orang Asli. Between 1970 to 1990, the health programme was the most successful aspect compared to the other two aspects. This is because health programme can be achieved in a shorter period of time whereas the impact of education and economic programmes can only be achieved in a longer period of time. Moreover, the Orang Asli were still ignorant of development programmes that had been planned for them. Because of this, they could not follow the entire programme thoroughly. Basic knowledge concerning government development programmes were not exposed to them. This was the main reason for their failure. As the result, the products made by the Orang Asli could not be sold to outsiders. Furthermore, the Orang Asli were still influenced by their traditional lifestyle which contributed to the failure of the government imposed economic plans. Besides that, they could not give their full commitment to education. This was because the majority of the Orang Asli children could not join the formal education. Thus, they could not take advantage of the development programme given. In conclusion, the Orang Asli need social-economic development but because of all the problems mentioned, they could not enjoy the development planned for them.

## ABSTRAK

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Runchang adalah tumpuan khusus terhadap kajian ini. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sebagai agen kerajaan untuk membawa pembangunan kepada masyarakat Orang Asli Runchang tidak tercapai sepenuhnya seperti mana yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Menerusi RPS ini, JHEOA telah mengadakan pembangunan dalam bidang kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Rancangan kesihatan merupakan sebuah rancangan yang paling berjaya berbanding dua rancangan lain dalam tempoh kajian dari tahun 1970-an sehingga 1990-an. Hal ini kerana dalam tempoh tersebut, hasil kejayaan terhadap rancangan kesihatan yang dilaksanakan dapat dilihat dalam waktu singkat berbanding dua rancangan tersebut. Fenomena ini berlaku kerana rancangan pendidikan dan rancangan ekonomi memerlukan tempoh masa yang panjang untuk melihat kejayaannya. Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Orang Asli merupakan sebuah golongan masyarakat yang masih kurang pengetahuan mengenai rancangan pembangunan yang dilaksanakan kepada mereka. Kekurangan pengetahuan ini menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti rancangan yang diperkenalkan kepada mereka. Walaupun banyak rancangan pembangunan yang diperkenalkan oleh pihak JHEOA, namun rancangan yang diperkenalkan tidak disertakan dengan pendedahan awal mengenai sesuatu program yang hendak dilaksanakan. Tiada catatan menunjukkan pendedahan tentang pemasaran yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, pemangkin kepada kegagalan ini adalah kerana pihak JHEOA tidak mendedahkan kepada masyarakat Orang Asli dengan lebih terperinci mengenai setiap projek yang diusahakan. Fenomena ini menyebabkan barangan yang dihasilkan tidak dapat dipasarkan kepada pengguna. Seterusnya, sikap masyarakat Orang Asli yang masih terpengaruh dengan kehidupan asal mereka iaitu inginkan pulangan hasil dalam jangka pendek turut menyebabkan kegagalan rancangan ekonomi. Masyarakat Orang Asli juga tidak dapat memberi komitmen yang padu terhadap dunia pendidikan. Perkara ini disebabkan oleh mereka masih tidak memahami tentang pendidikan formal secara lebih jelas. Segala kekangan yang dihadapi ini menyebabkan masyarakat Orang Asli di RPS Runchang menikmati rancangan pembangunan secara perlahan. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli sememangnya inginkan kepada pembangunan tetapi kekurangan pengetahuan mengenai pembangunan telah menyebabkan mereka tidak dapat menghayati pembangunan dengan baik. Hal ini kerana mereka tidak memahami erti sebenar projek pembangunan yang dijalankan.



**KANDUNGAN**

i.	HALAMAN JUDUL	i
ii.	PENGAKUAN	ii
iii.	DECLARATION	iii
iv.	PENGHARGAAN	iv – v
v.	ABSTRAK	vi
vi.	ABSTRACT	vii
vii.	SENARAI JADUAL, CARTA DAN PETA	xi - xiii
viii.	SINGKATAN	xiv - xv

**BAB 1: PENDAHULUAN**

Pengenalan	1 - 19
Kawasan Kajian	19 - 23
Permasalahan Kajian	23 - 26
Objektif Kajian	26
Tujuan Kajian	26 - 27
Ruang Lingkup Kajian	27 - 28
Ulasan Bacaan	28 - 33
Kaedah Kajian	33 - 34

**BAB 2: JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI**

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	35 - 38
Perkembangan JHEOA	38 – 43
JHEOA Negeri Pahang	43 – 47
Carta Organisasi	48

Objektif JHEOA Negeri Pahang	48
Fungsi Utama JHEOA	50 - 51
JHEOA Daerah Pekan	51 – 54
JHEOA RPS Runchang	55 - 59
<b>BAB 3: RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN KE ATAS ORANG ASLI</b>	
Rancangan Pembangunan Kerajaan Ke Atas Orang Asli	60
Program Rancangan RPS Wilayah Pahang Tenggara	61 -69
Rancangan Pengumpulan Semula RPS Runchang, Pekan Pahang	69 – 76
Matlamat RPS Runchang	77
Objektif RPS Runchang	77
Pelaksanaan dan Pencapaian Projek RPS Runchang	78 – 102
<b>BAB 4: PERKHIDMAATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN TERHADAP ORANG ASLI</b>	
Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan Terhadap Orang Asli	103
Dasar Kerajaan Terhadap Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan	104 – 113
Program Pembangunan Kesihatan dan Pembangunan di RPS Runchang	114 – 147
<b>BAB 5: PERANAN KERAJAAN DALAM MEMPERTINGKATKAN TAHAP PENDIDIKAN ORANG ASLI</b>	
Latar Belakang Pendidikan Masyarakat Orang Asli Di RPS Runchang	148 - 156
Sejarah Penubuhan Sekolah JHEOA Runchang	156 – 163
Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Ibu Bapa	163 – 168

Masalah Pentadbiran Sekolah JHEOA Runchang	168 – 176
Perkembangan Sekolah JHEOA Runchang	176– 182
Penyerapan Sekolah JHEOA Runchang kepada Kementerian Pelajaran	182 – 188

**BAB 6: PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI DI RPS RUNCHANG**

Pembangunan Ekonomi Masyarakat Orang Asli Di RPS Runchang	189 - 190
---	-----------

Pembangunan Tanah Pertanian “In-Situ	190 - 228
--------------------------------------	-----------

<b>KESIMPULAN</b>	229 - 233
-------------------	-----------

<b>RUJUKAN</b>	234 - 249
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	
-----------------	--



**SENARAI JADUAL, CARTA DAN PETA****Jadual**

Jadual 1	Orang Asli di Semenanjung Malaysia	9
Jadual 2	Bilangan Orang Asli Mengikut Suku Kaum dan Daerah Pentadbiran di Negeri Pahang.	10
Jadual 3	Data Penduduk Orang Asli Daerah Pekan	11
Jadual 4	Aktiviti Guna Tanah Utama di Kawasan RPS Runchang	23
Jadual 5	Pecahan Bilangan Masyarakat Orang Asli Mengikut Daerah	44
Jadual 6	Tugas Ahli Jawatankuasa Pelaksana Program RPS Orang Asli	66
Jadual 7	Kawasan RPS Orang Asli Wilayah Pahang Tenggara	68
Jadual 8	Bilangan Keluarga Orang Asli Daerah Pekan / Rompin	71
Jadual 9	Data Penduduk RPS Runchang 1998	74 - 76
Jadual 10	Rancangan Pembangunan dari Tahun 1985 – 1988	82 - 83
Jadual 11	Data Maklumat Pembangunan RPS Runchang	84
Jadual 12	Pembangunan Tanah RPS Runchang oleh FELCRA	89
Jadual 13	Kemudahan Asas dan Rancangan Pembangunan di RPS Runchang	91
Jadual 14	Perangkaan Murid yang didaftarkan Bagi Sesi 1993/1994	96
Jadual 15	Perkembangan Pembinaan Jalan Raya di RPS Runchang	101
Jadual 16	Peruntukan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti 1971-1973	107
Jadual 17	Rawatan Orang Asli di Malaysia 1971-1973	109
Jadual 18	Perangkaan Penyakit yang dirawat pada Tahun 1976	111
Jadual 19	Pesakit Orang Asli yang Mendaftar Masuk di Hospital JHEOA Gombak 1971 – 1980	112
Jadual 20	Jumlah Pesakit di Klinik Pesakit Luar	112

Jadual 21	Rawatan Ibu Mengandung dan Kelahiran Bayi April 1989	121
Jadual 22	Laporan Data Kesihatan dan Perubatan Orang Asli RPS Runchang Pekan Januari – Disember 1986	122
Jadual 23	Senarai Umur Orang Asli di RPS Runchang, Pekan	124
Jadual 24	Pengeluaran Ubat-ubatan / Alat-alat Perubatan dari Dispensari Hospital JHEOA Gombak	125
Jadual 25	Laporan Bulanan Perubatan Januari 1988	126
Jadual 26	Lawatan Klinik Bergerak Muadzam Shah dan Unit Malaria Bukit Ibam ke RPS Runchang pada Tahun 1988	132
Jadual 27	Bilangan Kejadian Kes Malaria di Kawasan RPS Runchang Pekan	136
Jadual 28	Peringkat Umur Kanak-kanak yang dijangkiti Malaria	138
Jadual 29	Cadangan Kelambu Berubat di RPS Runchang Pekan	139
Jadual 30	Pengagihan Kelambu bagi Projek Kelambu Berubat RPS Runchang Tahun 1993	142
Jadual 31	Projek Kelambu Berubat RPS Runchang Tahun 1993	143
Jadual 32	Lawatan Pasukan Kawalan Filaria Pejabat Kesihatan Kuantan bagi Bulan Julai 1991	146
Jadual 33	Peruntukan Aktiviti Tahunan oleh JHEOA	151
Jadual 34	Pendaftaran Murid dan Peruntukan Kewangan JHEOA untuk Pendidikan 1978-1988	153
Jadual 35	Kakitangan yang Terlibat dalam Pembinaan Sekolah RPS Runchang Tahun 1986	159
Jadual 36	Kehadiran Murid Sekolah JHEOA RPS Runchang Tahun 1986	168
Jadual 37	Laporan Kematian Rusa Januari 1999	215

## Carta

i)	Carta Struktur Organisasi JHEOA Negeri Pahang	49
----	---	----

ii) Carta Struktur Organisasi JHEOA Daerah : Negeri Pahang 53


iii) Carta Struktur Organisasi JHEOA Pekan 54

iv) Carta Struktur Organisasi JHEOA Runchang 57

**Peta**

1.4 Kedudukan Peta Kawasan Runchang 21

1.5 Kedudukan Peta Kawasan Runchang 22



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Orang Asli merupakan kaum majoriti yang menduduki kawasan pedalaman di negara ini. Mereka merupakan sebuah kelompok masyarakat yang dibahagikan kepada tiga golongan yang besar iaitu Semang/Negrifo, Senoi dan Proto Malay (Melayu Asli)<sup>1</sup>. Setiap golongan ini pula boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil dan setiap satunya mempunyai bahasa pertuturannya yang tersendiri. Golongan Semang/Negrifo terdiri daripada suku kaum Kensiu, Kintaq, Jahai, Lanoh, Bateq dan Mendriq. Suku kaum Temiar, Semai, Semaq Beri, Che Wong, Jah Hut dan Mah Meri tergolong dalam kumpulan Senoi. Kumpulan Temuan/Belandas, Jakun, Semelai, Orang Seletar, Orang Laut dan Orang Kanaq pula termasuk dalam kumpulan Proto Malay atau Melayu Asli<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1980, Mei). *Orang Asli: Satu Tinjauan Ringkas*. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara, hlm. 1.

<sup>2</sup> Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972, Mac). A Brief Note on the Orang Asli of Peninsular Malaysia and Their Administration. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm. 2 – 4.

John D. Leary membahagikan masyarakat orang Asli kepada tiga kumpulan berasingan mengikut peratusan kawasan di Semenanjung Malaysia. Golongan Semang yang tinggal di kawasan Utara dan Timur Laut ialah sebanyak 5%, golongan Negrito (Senoi) yang tinggal di kawasan banjaran Titiwangsa di Semenanjung sebanyak 62%. Orang Melayu Asli pula yang tinggal di kawasan tengah dan selatan ialah sebanyak 33%<sup>3</sup>.

Menurut ilmu bahasa pula, Marina Roseman membahagikan masyarakat orang Asli kepada tiga kategori yang berbeza. Pembahagian ini adalah berasaskan kepada kumpulan etnik dan kebudayaan yang lazimnya digunakan untuk menggambarkan masyarakat orang Asli adalah terdiri daripada golongan Semang atau Negrito, Senoi dan Melayu Asli<sup>4</sup>.

Sementara itu, Kerajaan Malaysia pula telah memperkenalkan istilah “Orang Asli” bagi menggantikan perkataan “*Aborigines*” atau “Sakai”. Penggunaan istilah tersebut digunakan semasa British memerintah Tanah Melayu<sup>5</sup>. Istilah “Orang Asli” diperkenalkan melalui Akta 134 Undang-Undang Malaysia yang disemak pada tahun 1974 dan menurut akta ini Orang Asli ialah:

1. a. Mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang

---

<sup>3</sup> John D. Leary. (1995). *Violence And The Dream People: The Orang Asli In The Malayan Emergency 1948-1960*. The United States Of America : Ohio University Center For International Studies, hlm. 2.

<sup>4</sup> Marina Roseman. (1991). *Healing Sounds From The Malaysian Rainforest Temiar Music And Medicine*. The United States Of America : University Of California Press, hlm.18.

<sup>5</sup> Menurut Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 1974 mengenai panggilan terhadap Orang Asli, orang bukan Asli lazimnya memanggil Orang Asli dengan panggilan Sakai, Orang Darat, Orang Sabat, Ra'yet, Bagan, Sampan, Orang Bukit dan Saudara Lama. Panggilan tersebut menyinggung perasaan Orang Asli. Oleh itu, panggilan “Orang Asli” diperkenalkan. Panggilan selain daripada panggilan Orang Asli tidak dibenarkan walaupun perkataan “*aborigines*” digunakan dalam bahasa Inggeris. Hal ini kerana panggilan tersebut merupakan ‘*pejorative connotation*’. ‘*Pejorative connotation*’ merujuk kepada penggunaan secara berleluasa dalam naskah rasmi dan undang-undang. Oleh itu, penggunaan perkataan tersebut tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian perkataan “Orang Asli” hendaklah digunakan dalam semua bahasa. Penggunaan perkataan “*Abo*” sebagai kata singkat bagi perkataan “*Aborigines*” hendaklah dihentikan. Lihat dalam Malaysia. (1974, Oktober 2). Panggilan Terhadap Orang-Orang Asli dan Rundingan Mengenai Hal-Hal Orang Asli, 11101/1 – 1992/0003180 PM 11101 – Orang-Orang Asli Polisi. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.



Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;

- b. Mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan yang telah dididik sebagai seorang Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli; atau
  - c. Anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
2. Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli oleh kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, tetapi ia masih mengikut cara hidup Orang Asli dan adat Orang Asli atau bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mengamalkan agama itu.
  3. Apa-apa soal sama ada seseorang adalah seorang Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri<sup>6</sup>.

---

<sup>6</sup> Malaysia, Jabatan Percetakan. (1977, Mac 24). *Undang-Undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 disemak pada 1974*. Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan. Menteri yang bertanggungjawab untuk memutuskan sama ada seseorang itu Orang Asli atau tidak ialah Menteri yang berada di bawah pentadbiran sesebuah kementerian. JHEOA sering berubah kementerian. Pada tahun 1954 Menteri yang bertanggungjawab terhadap pengiktirafan Orang Asli ialah Menteri di bawah Kementerian Hal

Kerajaan memperkenalkan penggunaan istilah “Orang Asli” bertujuan untuk mempertingkatkan imej komuniti Orang Asli dan berharap supaya kaum lain seperti Melayu, Cina dan India tidak lagi memandang rendah terhadap mereka<sup>7</sup>. Selain itu, pengenalan penggunaan istilah tersebut kerana wujudnya salah faham dan timbulnya prasangka terhadap masyarakat Orang Asli. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk berdamping dan bersatu padu dengan penduduk lain di negara ini<sup>8</sup>. Oleh itu, penggunaan istilah “Orang Asli” dapat membantu mengikis rasa rendah diri dan hubungan sosial antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat lain di negara ini dapat dilaksanakan<sup>9</sup>.

Menurut bancian daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada tahun 1961, bilangan orang Asli adalah seramai 50,000 orang<sup>10</sup>. Pada tahun 1974 pula

---

Ehwal Dalam Negeri. Pada tahun 1956 pula berubah kepada Menteri di bawah Kementerian Pelajaran. Seterusnya, Menteri yang terletak dalam Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1959 dan berubah pula kepada Menteri di bawah Kementerian Tanah dan Galian pada tahun 1964. Empat tahun kemudian Menteri yang bertanggungjawab berpindah pula kepada Menteri di bawah Kementerian Pertanian dan Tanah iaitu pada tahun 1970. Setahun kemudian iaitu pada tahun 1971 berpindah kepada Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada tahun 1974 sekali lagi berpindah kepada Menteri di bawah Kementerian Dalam Negeri. Menteri ini bertanggungjawab selama 16 tahun dan pada tahun 1990 berpindah pula kepada Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada tahun 1994 sekali lagi pentadbirannya berpindah kepada Menteri di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Menteri tersebut berperanan mengiktiraf sama ada seseorang itu Orang Asli atau tidak selama tujuh tahun. Kemudian pada tahun 2001, menteri yang bertanggungjawab ialah Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pada tahun 2003 bertukar pula kepada Menteri di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Lihat juga dalam Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2007). Sejarah Pentadbiran Orang Asli. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

<sup>7</sup> Biasanya mereka ini dipandang sebagai penduduk hutan rimba belantara yang tidak mempunyai hubungan dengan dunia tamadun dan tidak mempunyai keinginan untuk memperbaiki kehidupan mereka. Lihat dalam Iskandar Carey. (t.t). Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depan. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm.1.

<sup>8</sup> Penerangan lanjut sila lihat Baharom Azhar bin Raffiei. (1966, November). “Masa’alah Integrasi dikalangan Orang Asli”. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm 2 - 3.

<sup>9</sup> Mereka ialah bumiputera Asli Tanah Melayu tetapi kerana faktor kedudukan sosial, ekonomi dan kebudayaan mereka yang terkebelakang, mereka tidak menikmati hak dan faedah yang dinikmati oleh masyarakat yang lain. Oleh itu, pihak Kerajaan harus membuat rencana yang bersesuaian bagi melindungi dan memajukan mereka supaya dapat bersatu padu dengan masyarakat Melayu. Lihat dalam Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1961, November 20). Penyata Berkenaan Dasar dan Tujuan Pentadbiran Orang Asli Persekutuan Menurut Jangka Panjang. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, hlm 2.

<sup>10</sup> Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. (1961). Dasar Kerajaan Berkenaan Dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

terdapat seramai 56,927 Orang Asli di kawasan Semenanjung Malaysia<sup>11</sup>. Kesemua bilangan ini merangkumi golongan Negrito, Senoi dan Melayu Asli<sup>12</sup>. Seterusnya, pada tahun 1980 bilangan masyarakat Orang Asli terus meningkat kepada 62,413 orang dan meningkat pula kepada 68,929 orang pada tahun 1986. Jumlah Orang Asli pada tahun 1990 pula adalah seramai 72,849 orang dan meningkat kepada 83,453 orang pada tahun 1991<sup>13</sup>.

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1980 adalah seramai 13.8 juta orang. Jumlah masyarakat Orang Asli pada ketika ini hanya sebanyak 1% daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia<sup>14</sup>. Walaupun masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian kecil daripada penduduk Malaysia, namun bilangannya bertambah pada setiap tahun. Pertambahan bilangan ini membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli telah berjaya membaiki taraf hidup mereka terutama dalam bidang pengurusan penjagaan kesihatan dan kebersihan.

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia merupakan sebuah kaum minoriti yang terpisah daripada kumpulan masyarakat lain. Mereka tinggal di kawasan pedalaman hutan yang berjauhan antara sebuah keluarga dengan keluarga yang lain. Jarak sesebuah keluarga adalah antara 100 meter hingga 500 meter. Secara tradisi, masyarakat orang Asli hidup dalam kumpulan kecil yang terdiri

---

<sup>11</sup> Masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang tersebar ke seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Lihat dalam Abdul Talib bin Bon, Md. Akbal bin Abdullah. (2002). *Kenali Kami: Masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Johor : Kolej Tun Hussein Onn, hlm.2. Lihat juga dalam Iskandar Carey.(t.t). *Orang Asli Tanah Melayu dan Masa Depan*, *op.cit.*, hlm.2 yang mengatakan bahawa terdapat seramai lebih kurang 45,000 orang masyarakat Orang Asli di seluruh Negeri-negeri Melayu. Bahagian utara Negeri Perak dan Pahang mempunyai jumlah penduduk Orang Asli seramai lebih kurang 15,000 orang, di Kelantan seramai 5,000 orang. Selangor dan Negeri Sembilan pula mempunyai seramai 3,000 orang dan Johor mempunyai seramai lebih kurang 2,000 orang. Melaka, Kedah dan Terengganu pula mempunyai bilangan masyarakat Orang Asli dalam jumlah yang kecil sahaja. Lihat juga dalam *Berita Harian*. (1983, Mei).

<sup>12</sup> Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1974). *Banci Penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

<sup>13</sup> Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1991). *Banci Orang Asli Malaysia*. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan/Perancang.

<sup>14</sup> Malaysia, JHEOA. *Orang Asli: Satu Tinjauan Ringkas*, *loc.cit.*

daripada 10 hingga 50 kelamin. Pengkaji-pengkaji awal mengenai masyarakat Orang Asli mendapati kumpulan minoriti ini merupakan sebuah kaum yang masih lagi mundur dan tertinggal daripada pelbagai aspek sosioekonomi berbanding kaum lain. Hal ini kerana mereka jarang menonjolkan dirinya dan menjalani kehidupan secara bebas di kawasan yang disukai. Menurut Shamsul Amri, masyarakat Orang Asli digambarkan seperti:

Semasa zaman penjajahan Orang Asli langsung tidak dipedulikan kerana sebahagian besar tinggal di hutan belantara, jauh daripada komuniti Melayu dan tiada kepentingan ekonomi bagi pihak penjajah, maka masyarakat ini telah disisihkan<sup>15</sup>.

Golongan ini tidak dapat menikmati hak dan faedah sepertimana yang dinikmati oleh golongan masyarakat lain. Mereka dianggap sebagai kumpulan primitif iaitu tidak beragama dan tidak bertamadun<sup>16</sup>. Hasan Mat Nor juga turut mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli sebagai kumpulan yang jauh ketinggalan. Menurut beliau:

...orang Asli ini sebagai kumpulan manusia yang sangat rendah tahap tamadunnya serta tidak mengamalkan sebarang agama. Mereka juga tidak mempunyai sebarang bentuk kerajaan, malahan mereka hanya memiliki naluri dan keinginan haiwan...<sup>17</sup>.

Hampir 60% masyarakat Orang Asli mendiami kawasan tanah tinggi di hutan belantara. Kawasan tersebut mempunyai ketinggian antara 2,000 hingga 6,000 kaki daripada paras laut. Kebanyakan daripada mereka terdiri daripada kaum Senoi yang

---

<sup>15</sup> Shamsul Amri Baharuddin. (1978, Februari). Sikap dan Prasangka Terhadap Orang Asli. *Dewan Masyarakat*, 10.

<sup>16</sup> Lihat dalam Hasan Mat Nor. (2001). *Salib Dalam Komuniti Pinggiran..* Sabah : Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah, hlm. 3.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 3 - 4

menjalankan kegiatan ekonomi tradisional<sup>18</sup>. Sebanyak 0.5% daripada 60% masih lagi menjalani kehidupan secara berpindah randah, manakala 40% daripada jumlah tersebut mendiami kawasan pedalaman. Selebihnya, sebanyak 40% daripada mereka tinggal menetap berhampiran dengan perkampungan Melayu seperti di kawasan sepanjang pesisiran pantai Selangor, Johor dan Pahang. Walaupun ada sebahagian daripada mereka yang masih hidup secara berpindah randah, tetapi 80% sehingga 90% sudah pun menetap di kampung-kampung seperti di kawasan perkampungan orang Melayu. Perhubungan mereka dengan masyarakat luar semakin bertambah baik dan mereka tidak lagi begitu terasing seperti dahulu<sup>19</sup>.

Taburan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia mempunyai jumlah yang ramai di negeri Pahang berbanding negeri-negeri lain. Menurut bancian pada tahun 1947, jumlah masyarakat Orang Asli adalah seramai 12,643 orang<sup>20</sup>. Namun jumlah ini bukanlah satu jumlah yang tepat kerana berkemungkinan masih terdapat bilangan masyarakat Orang Asli yang tidak direkod kerana mereka tinggal di kawasan

---

<sup>18</sup> Keterangan selanjutnya, sila lihat dalam Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1972, Mac). *Some Aspects of The Relationship of The Orang Asli and Other Malaysians*. Kuala Lumpur : [tiada data penerbitan], hlm. 1.

<sup>19</sup> Penempatan masyarakat Orang Asli dapat dibahagikan kepada empat kategori. Pertama, kumpulan yang masih tinggal di kawasan hutan pedalaman. Kawasan ini memerlukan beberapa hari berjalan kaki dan merupakan kumpulan yang paling kurang menerima perubahan dalam bidang ekonomi dan sosial. Hal ini kerana kedudukan mereka yang jauh terpisah daripada masyarakat luar. Namun begitu, perubahan sosial yang diperolehi adalah dalam bidang kesihatan dan pelajaran seperti pengujuduan pos-pos perubatan dan “doktor terbang”, serta sekolah-sekolah khas. Kumpulan kedua pula merupakan kumpulan yang tinggal di kawasan pinggir hutan yang berjalan kaki hanya beberapa jam sahaja untuk sampai ke jalan raya yang terdekat. Hubungan mereka dengan masyarakat luar pula telah terjalin terutama dalam bidang perdagangan. Kumpulan ketiga pula ialah kumpulan yang tinggal di luar kawasan hutan dan kenderaan seperti kereta boleh sampai ke kawasan tersebut. Selain itu, kawasan tersebut letaknya berhampiran dengan kampung Melayu serta ladang getah Cina. Kumpulan ini banyak menerima kesan daripada perubahan sosial. Seterusnya, kumpulan keempat pula dianggap sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu. Kebanyakan daripada mereka beragama Islam dan mempunyai hubungan rapat dengan jiran Melayu. Hubungan yang terjalin ini menyebabkan kehidupan mereka hampir menyerupai kehidupan masyarakat Melayu. Lihat dalam Malaysia, JHEOA. *Orang Asli : Satu Tinjauan Ringkas*, *op.cit.*, hlm. 7.

<sup>20</sup> Federation of Malaya : State of Pahang. (1951). *Annual Report For The Year 1949*. Kuala Lumpur : Government Press, hlm. 65. Lihat juga dalam Federation of Malaya : State of Pahang. (1949). *Annual Report For The Year 1948*. Kuala Lumpur : Government Press, hlm.51.

yang jauh ke dalam hutan<sup>21</sup>. Salah satu faktor yang menyebabkan Pahang mempunyai bilangan jumlah Orang Asli yang ramai kerana Pahang merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan seluas 34,672 km persegi atau 13,886 batu persegi<sup>22</sup>.

Seterusnya, bancian pada tahun 1969 pula menunjukkan jumlah masyarakat Orang Asli di negeri Pahang telah bertambah sebanyak 54.24% iaitu seramai 6,858 orang dan menjadikan bilangannya seramai 19,501 orang. Jumlah ini terus meningkat kepada 31,638 orang pada tahun 1971. Suku kaum yang terdapat di negeri ini ialah suku kaum Semai, Che Wong, Jah Hut, Semoq Beri, Temuan, Jakun dan Negrito. Suku kaum ini terdapat di sepuluh buah daerah di negeri Pahang. Jadual 1.1 menunjukkan statistik masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia pada tahun 1969 manakala jadual 1.2 pula menunjukkan statistik mengenai taburan masyarakat Orang Asli di negeri Pahang.

Daerah Pekan pula, mempunyai sebanyak 32 buah perkampungan masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada tujuh buah mukim, tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) di bahagian Parlimen Pekan. Data berkaitan taburan penduduk ini bagi daerah Pekan sehingga tahun 2006 dapat dilihat menerusi jadual 1.3. RPS Runchang mempunyai statistik seramai 395 buah keluarga dengan jumlah penduduk seramai 1,821 orang dan keluasan tanah di kawasan RPS ini adalah seluas 1,619 hektar.

---

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> Pahang, Jabatan Ukur dan Pemetaan. (1993). *Peta Topo Semenanjung Malaysia Lembar 123*. [tiada data penerbitan].

Jadual 1.1  
Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Negeri	Negrito	Senoi	Melayu Proto	Jumlah	Banci 1969
Kedah	101	-	-	101	98
Perak	953	17 268	62	18 283	16 660
Kelantan	774	4 118	-	4 862	4 758
Terengganu	50	180	-	230	195
<b>PAHANG</b>	<b>127</b>	<b>9 158</b>	<b>10 143</b>	<b>19 428</b>	<b>19 501</b>
Selangor	6	1 909	3 811	5 726	4 557
N. Sembilan	-	-	3 547	3 547	3 119
Melaka	-	-	458	458	391
Johor	-	-	4 292	4 292	3 664
<b>JUMLAH</b>	<b>1 981</b>	<b>32 633</b>	<b>22 313</b>	<b>56 927</b>	<b>52 943</b>

Sumber: dipetik daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1969). Banci Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan / Perancang

Jadual 1.2  
Bilangan Orang Asli Mengikut Suku Kaum dan Daerah Pentadbiran di Negeri Pahang

	SUKU KAUM									Jumlah	Bil Kampung	Bil Ketua Kampung
	Senoi			Melayu Asli				Negrito				
	Semai	Temiar	Che Wong	Jah Hut	Semoq Beri	Temuan	Semelai	Jakun	Bateq			
Bentong	-	-	-	-	-	1 457	-	-	-	1 457	14	14
C.Highland	3 118	220	-	-	-	-	-	-	-	3 338	32	27
Jerantut	-	-	-	704	613	-	-	-	176	1 493	14	14
Kuantan	-	-	-	-	513	-	-	168	-	681	6	6
Lipis	4 959	-	-	-	-	-	-	-	357	5 316	83	81
Maran	-	-	-	-	766	-	140	-	-	906	5	5
Pekan	-	-	-	-	-	-	-	5 255	-	5 255	32	19
Raub	1 527	-	126	-	-	652	-	-	-	2 305	22	22
Rompin	-	-	-	-	-	-	-	5 412	-	5 412	36	29
Temerloh	-	-	162	2 168	305	519	2 253	68	-	5 475	27	26
Jumlah	9 604	220	228	2 872	2 141	2 628	2 393	10 903	533	31 638	271	243

Sumber : dipetik daripada Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (1991). Banci Orang Asli. Kuala Lumpur : Bahagian Penyelidikan / Perancang